

# Mahathir bahaya

Plumby JUN 1986

Oleh Idzan Ismail  
UM 23 JUN 1986

**K**UALA LUMPUR 22 Jun — Datuk Sri Dr. Mahathir Mohamad hari ini mengingatkan bahaya kekalahan Barisan Nasional (BN) dalam pilihanraya umum sekiranya taktik kotor bertujuan menghilangkan kepercayaan rakyat kepada kerajaan dengan menimbulkan kononnya pucuk pimpinan terlibat dalam rasuah berhasil.

Perdana Menteri juga menyebut kecenderungan anggota - anggota BN termasuk UMNO 'terlalu angkuh dan khayal menganggap parti itu tidak akan kalah' sebagai satu lagi faktor yang mungkin mendatangkan kekalahan kepada Barisan Nasional.

## Risalah palsu

Amanat Perdana Menteri menjelang pilihanraya umum ialah: "Jangan terlalu ghairah memikirkan untuk menjadi calon pilihanraya tanpa bekerja kuat untuk memastikan BN terus memerintah. Sekali tewas, akan kalah untuk selama-lamanya."

"Ada kemungkinan besar kita kalah terutama di saat musuh - musuh kita menggunakan bermacam - macam 'taktik kotor,'" pesannya kepada kira - kira 500 orang ahli UMNO yang menghadiri perasmian mesyuarat perwakilan tahunan UMNO bahagian Sepuluh, bahagian Lembah Pantai dan bahagian Batu di Kompleks Dagangan Dunia Putra.

Presiden UMNO menyifatkan penjelmaan berbagai bentuk strategi kotor seperti pengedaran gambar - gambar, surat - surat layang dan risalah - risalah palsu sebagai usaha untuk menghilangkan kepercayaan rakyat terhadap pentadbiran sekarang.

# Khayalan ingat

Beliau mendapat tahu di antara taktik yang digunakan ialah mengedarkan gambarnya duduk semeja dengan Lorraine Esme Osman dan Kevin Hsu yang diambil pada tahun 1978 atau 1979 untuk menggambarkan kononnya beliau terlibat dalam skandal pinjaman BMF.

Menurutnya, gambar beliau dengan bekas Pengarah BMF, Lorraine Esme Osman dan Kevin Hsu dari Carrian Holdings diambil dalam satu jamuan makan malam semasa beliau mengetuai misi galakan pelaburan di Hong Kong dalam tahun 1978 atau 1979.

"Semasa saya di sana, ada satu jamuan makan malam yang saya fikir diraikan oleh BMF. Ada gambar saya duduk semeja dengan Lorraine dan Kevin Hsu yang terlibat dalam pinjaman besar daripada BMF."

"Tentu orang tidak akan menanyakan saya, bila gambar ini diambil malah

LIHAT MUKA 5

## MAHATHIR INGATKAN BAHAYA KHAYALAN

sesiapa yang melihatnya akan berkata itu buktinya saya kenal Lorraine dan Kevin Hsu. Mereka yang mengedarkan gambar saya ini apabila pilihanraya kelak tahu sudah tentu orang ramai terutama ahli UMNO tidak ada masa berjumpa dengan saya untuk bertanya kenapa saya makan semeja dengan orang-orang seperti ini (Lorraine dan Kevin Hsu).

Datuk Sri Dr. Mahathir yakin sudah tentu sesiapa yang melihat gambar itu akan menganggap gambar itu diambil baru-baru ini dan ini satu bukti beliau terlibat dengan skandal pinjaman \$2.5 ribu juta BMF.

Perdana Menteri menegaskan seperti dalam misi galakan pelaburan ke negara-negara lain, ada orang-orang yang berniat berniaga dengan Malaysia dijemput oleh orang-orang tertentu untuk menemuinya sungguhpun beliau tidak kenal dengan mereka.

"Ini bukan dengan izin saya atau disuruh oleh saya. Tentu banyak gambar saya seperti yang diambil di Hong Kong," jelasnya.

Beliau meminta orang ramai dan ahli-ahli UMNO khususnya supaya berhati-hati dan jangan terpengaruh dengan taktik kotor seperti itu yang digunakan oleh parti-parti lain sepanjang masa semata-mata untuk kepentingan politik mereka dan kerana tidak ada modal lain.

"Saya nampak tanda-tanda khayalan di kalangan UMNO sendiri seolah-olah pada pilihanraya ini ada peluang mendapat tempat tetapi tidak langsung memberikan pandangan kepada kemungkinan kita akan kalah dan tidak akan memerintah.

"Jika sampai kepada tahap di mana kita terlalu angkuh dan percaya kita tidak boleh kalah, biasanya kita sebagai manusia biasa mungkin kalah. Jika kalah sekali tak mungkin kita menang lagi."

Datuk Sri Dr. Mahathir berkata menjelang pilihanraya umum, tumpuan diberikan kepada calon-calon yang bakal diletakkan dan beliau mengingatkan bahawa kerajaan yang berkuasa melayani segala rungutan dan segala hasrat.

Yang penting tegas Datuk Sri Dr. Mahathir ialah bilangan kerusi yang perlu dimenangi oleh UMNO khususnya dan BN amnya supaya lebih daripada par-

ti-parti lawan agar dapat membentuk kerajaan.

"Saya ingin mengingatkan pilihanraya umum bermakna pilihan seluruh negara dan tidak seperti pilihanraya kecil di mana tumpuan diberikan kepada masalah di tempat sendiri. Mendapat kerusi yang mencukupi untuk membentuk kerajaan adalah lebih bermakna daripada kejayaan seorang calon yang cuma bermakna untuk dirinya sendiri."

Semalam Timbalan Presiden UMNO, Datuk Musa Hitam, dalam ucapanannya merasmikan mesyuarat Pemuda dan Wanita UMNO bahagian Batu memberi amaran kepada parti-parti komponen BN jangan terlalu 'overconfident' tentang peluang mereka dalam pilihanraya umum.

Berbeza dengan ucapan Berbeza dengan ucapan para pemimpin BN yang kerap melaungkan keyakinan penuh BN terus mendapat majoriti 2/3 dalam pilihanraya umum akan datang, Perdana Menteri mengingatkan: "Adalah menjadi tugas saya mengingatkan ahli-ahli UMNO jangan rasa begitu kuat dan boleh menang bila-bila masa sahaja. Ada kemungkinan besar kita kalah terutama di saat musuh-musuh kita menggunakan bermacam-macam taktik kotor."

Beliau menjelaskan ahli-ahli UMNO harus ingat di kalangan orang Melayu pun bukan semua pe-

nyokong UMNO dan Barisan Nasional.

Sebagai contoh, beliau menyebut kawasannya Kubang Pasu yang mana setengahnya menyokong UMNO dan setengah menyokong PAS dan sudah tentu undi bukan Melayu yang boleh menentukan kalah atau menangnya calon UMNO.

"Peranan pengundi bukan Melayu harus difikirkan dan jangan dengan sewenang-wenang diketepikan. Kita mungkin menang di Wilayah Persekutuan tetapi kalah di Kubang Pasu."

"Saya biasa kalah sekali di Kota Setar Selatan. Saya terima sahaja. Tapi kita kena memikirkan kemenangan kepada parti dan bukan cuma diri sendiri."

Oleh demikian, menjelang pilihanraya ini, beliau mahukan ahli-ahli UM-

NO merapatkan barisan, memberikan kepercayaan kepada pucuk pimpinan dan mengamalkan cara-cara yang tertakluk kepada disiplin parti.

"Jika bertindak mengikut hati tanpa mengawal emosi, UMNO mungkin tidak berjaya," tegasnya.

Datuk Sri Dr. Mahathir berpesan ahli UMNO jangan memikirkkan kemenangan sesuatu yang pasti sungguhpun mereka berkelakuan tidak baik, tidak mengamalkan disiplin, tidak mempunyai tata tertib dan tidak mahu menerima pendapat para pemimpin.

Beliau juga mahu ahli-ahli UMNO serius tentang politik kerana itu adalah kekuatan orang-orang Melayu sehingga mereka dapat mencapai persaingan dengan penduduk berketurunan lain dalam pelajaran dan ekonomi.